

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

PruBSN Aspirasi

Disediakan khas untuk:

CONTOH

Contoh PDS ini berdasarkan seorang lelaki sihat berusia 30 tahun (umur hari lahir akan datang) dan tidak merokok dengan Jumlah Perlindungan Rider sebanyak RM500,000. Bagi sebut harga yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan anda, sila rujuk ejen anda untuk nasihat peribadi dan rujuk PDS dan ilustrasi produk sebenar anda.

Disediakan oleh: PruBSN Takaful Berhad

Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM)

Manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

Haji Protection

LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang rider takaful keluarga anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

Tarikh: 24/02/2026

1 Apakah Haji Protection?

Haji Protection ialah rider Takaful Keluarga sumbangan berkala yang dilampirkan pada PruBSN Aspirasi dan ia memberi anda perlindungan semasa anda mengerjakan Haji atau Umrah yang memberikan manfaat berikut semasa tempoh sijil. Ia menyediakan Manfaat Takaful Berganda dan Manfaat Imunisasi Haji atau Umrah.

Manfaat Takaful Berganda

Dua kali ganda jumlah perlindungan rider akan dibayar di bawah Manfaat Takaful Berganda apabila berlaku kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh sebelum ulang tahun sijil apabila mencapai umur 70 tahun pada tarikh lahir yang akan datang kepada Orang yang Dilindungi semasa menunaikan Haji atau Umrah, tertakluk pada syarat-syarat di bawah:

- Satu (1) tahun tempoh menunggu (untuk kematian/Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh disebabkan oleh semulajadi sahaja) dari tarikh permulaan atau tarikh endorsan yang dibuat pada Jumlah Perlindungan Asas atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian.
- Perlindungan akan disediakan untuk perjalanan *Haji* dan Umrah semasa tempoh sijil.
- Perlindungan bermula apabila Orang yang Dilindungi memasuki sempadan antarabangsa bagi perjalanan ke Arab Saudi sehingga Orang yang Dilindungi keluar dari sempadan antarabangsa di destinasi yang berlepas dari Arab Saudi. Sempadan antarabangsa mewakili had sempadan di mana Orang yang Dilindungi melintasi semakan Imigrasi Pasport dalam perjalanan ke Arab Saudi atau dari Arab Saudi untuk tujuan *Haji* atau Umrah.
- Manfaat ini tidak akan memberikan perlindungan sekiranya Orang yang Dilindungi melancong di luar Arab Saudi semasa tempoh *Haji/Umrah*.
- Tempoh perlindungan adalah sepanjang tempoh Perjalanan yang sebenar tertakluk kepada 45 hari untuk *Haji* dan 15 hari untuk Umrah yang mana tempoh yang lebih pendek.

Manfaat Imunisasi *Haji/Umrah*

Membayar balik kos imunisasi sehingga RM300 untuk setiap 3 tahun, yang bertujuan untuk persediaan *Haji/Umrah*. Amaun yang tidak digunakan untuk manfaat ini tidak akan dibawa ke hadapan untuk tempoh seterusnya. Tempoh Menunggu untuk manfaat ini adalah 1 tahun dari tarikh kuatkuasa, dikembalikan semula atau endorsan sijil. Bagi memenuhi syarat untuk Manfaat Imunisasi *Haji/Umrah*, sijil anda masih berkuatkuasa dan pembayaran sumbangan anda adalah terkini pada tarikh permohonan tuntutan manfaat ini. Jenis vaksin yang layak mendapat manfaat imunisasi ini adalah berdasarkan senarai vaksin yang disediakan oleh Lembaga Tabung Haji dan diterbitkan di laman web kami.

Akaun dan konsep Syariah yang terpakai di bawah Haji Protection adalah sama dengan pelan asas, PruBSN Aspirasi.

Nota: Keterangan produk di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk dokumen sijil untuk maklumat lanjut.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat anda?

Sebagai ilustrasi, untuk RM 23 Bulanan, dengan jumlah perlindungan rider sebanyak RM 500,000, anda akan menerima perlindungan/manfaat berikut untuk 25 tahun:

Manfaat Takaful Berganda	200% daripada RM 500,000
Manfaat Imunisasi Haji / Umrah	Seperti yang dikenakan, sehingga RM300 setiap 3 tahun

Nota: Keterangan perlindungan/manfaat di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk dokumen sijil untuk maklumat lanjut.

Rider takaful keluarga anda **mengecualikan**:

Kematian

Kami tidak akan membayar Manfaat Kematian sekiranya kematian disebabkan bunuh diri dalam tempoh tahun pertama.

Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat sekiranya hilang upaya adalah berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan salah satu daripada yang di bawah.

- Cubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras.
- Melakukan kesalahan jenayah atau cubaan untuk melakukan kesalahan jenayah.
- Penyalahgunaan dadah atau ubatan perangsang termasuk sebarang kesan sampingan yang berpunca daripada penyalahgunaan tersebut.
- Peperangan atau perbuatan-perbuatan agresif seperti penaklukan, tindakan daripada negara-negara asing, tindakan daripada negara musuh (sama ada peperangan telah diisytiharkan atau tidak), perang saudara, kebangkitan, revolusi, rusuhan, campur tangan daripada tentera atau rampasan kuasa.
- Menyertai sukan profesional, selaman scuba, apa jua bentuk perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai seorang anak kapal atau penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat pembawa penumpang komersil yang berlesen dan beroperasi mengikut laluan biasa yang telah dijadualkan atau sebarang aktiviti atau sukan yang berbahaya (termasuklah terjunan bungee, geluncur udara, belon udara, payung terjun dan terjunan udara) melainkan telah mendapat persetujuan daripada kami terlebih dahulu melalui endorsan khas.
- Sebarang keadaan sedia ada yang tidak dimaklumkan kepada kami berkenaan dengan keadaan kesihatan Orang yang Dilindungi.

Nota: Senarai pengecualian di atas adalah tidak menyeluruh. Anda mesti merujuk kepada dokumen sijil untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda memerlukan bantuan atau mempunyai sebarang soalan mengenai rider takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi PruBSN di:
03-2775 7188



Emel PruBSN di:
customer@prubsn.com.my



Lawati* PruBSN di:
[Haji Protection](#)
[Prudential BSN Takaful](#)

*Yakinlah bahawa tiada data peribadi anda yang akan dikumpul apabila anda mengklik pada pautan.

3 Ketahui Kewajipan anda?

Untuk rider takaful keluarga anda, anda mesti membayar sumbangan takaful Bulanan sebanyak:			
Sumbangan Perlindungan (MSA)	Hajj Protection	RM 23	Tempoh: 10 tahun
Anda juga perlu membayar yuran dan caj-caj berikut:			
Jumlah Caj Wakalah Pendahuluan, yang termasuk:	RM 538.20 atau 19.50% daripada Jumlah Sumbangan Rider RM 2,760.00		
• Komisen (dibayar selama 6 tahun)	RM 263.76 atau 9.56% daripada Jumlah Sumbangan Rider RM 2,760.00		
• Perbelanjaan Pengurusan (dibayar selama 10 tahun)	RM 274.44 atau 9.94 % daripada Jumlah Sumbangan Rider RM 2,760.00		
<p><i>Nota-nota:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Butiran sumbangan: Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas semua sumbangan yang dibayar untuk tujuan perniagaan. Sila rujuk kepada Butiran Sebut Harga untuk Jumlah Bayaran, cukai perkhidmatan (jika ada), dan Jumlah Sumbangan Tahunan.</i> • <i>Jumlah Caj Wakalah Pendahuluan: Termasuk perbelanjaan pengurusan dan komisen yang dibayar kepada ejen perkhidmatan. Komisen merupakan kos yang diberikan secara langsung kepada saluran pengedaran untuk tujuan pemasaran produk ini.</i> • <i>Senarai yuran dan caj-caj adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk dokumen sijil untuk maklumat lanjut.</i> 			

4 Terma-terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"> • Kepentingan Pendedahan: anda mestilah mendedahkan semua fakta yang relevan seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur Orang yang Dilindungi dengan betul. Kewajipan pendedahan anda adalah berterusan sehingga sijil takaful dikeluarkan. Jika tidak, tuntutan anda mungkin ditolak atau sijil takaful ditamatkan. • Sumbangan dan Tabarru' Tidak Dijamin: Sumbangan dan penolakan Tabarru' bagi pelan ini adalah tidak dijamin. Kami akan memberikan notis bertulis 30 hari bagi Manfaat Penyakit Kritikal sebelum sumbangan dan/atau kadar Tabarru' yang disemak berkuat kuasa pada ulang tahun sijil yang berikutnya. • Tempoh Menunggu: Kelayakan untuk manfaat-manfaat di bawah sijil hanya akan bermula selepas tempoh menunggu berikut dari tarikh permulaan sijil, tarikh penguatkuasaan semula sijil atau tarikh pengendorsan, yang mana kemudian. 		
Manfaat	Syarat-syarat	Tempoh Menunggu
Manfaat Hajj / Umrah	Semua syarat lain yang dilindungi	1 tahun
<p>Sekiranya anda menukar pelan semasa anda kepada pelan lain atau daripada satu penyedia kepada penyedia lain, anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baharu dan tempoh menunggu baharu bagi pelan yang baharu.</p> <p><i>Nota: Terma-terma utama di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk dokumen sijil untuk senarai penuh terma-terma.</i></p>		

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

<p>Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada PruBSN.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tempoh Rujukan Percuma: Anda boleh membatalkan sijil anda (iaitu pelan asas dan rider yang dilampirkan) dalam tempoh 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Sila rujuk PDS PruBSN Aspirasi mengenai Tempoh Rujukan Percuma. • Notis Bertulis: Anda boleh membatalkan rider ini pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Pembatalan rider akan berkuat kuasa pada ulang tahun bulanan sijil yang berikutnya selepas permohonan anda diluluskan secara bertulis oleh kami.
